



Ruj. Kami: SUK.D.200(09)338/5 Jld. 3 (89)

Tarikh: 14 Jamadil Awal 1435H

bersamaan 16 Mac 2014

Ke Majlis,

Semua Ketua Agensi Negeri
Semua Ketua Agensi Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Ketua Agensi Badan Berkanun Negeri

YABhg. Dato'/Tuan,

MEMPERKASA JAWATANKUASA AUDIT DALAM PERINGKAT AGENSI
NEGERI KELANTAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum melalui **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2012 dan Surat Pelaksanaan Kepada 'Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2012'** bagi pelaksanaan Jawatankuasa Audit Dalam Peringkat Agensi Negeri Kelantan sebelum ini adalah berkaitan.

3. Bagi mencapai matlamat penubuhan dan memperkasakan Jawatankuasa Audit Dalam Peringkat Agensi adalah dipohon YABhg. Dato'/Tuan untuk mengambil langkah kerja berikut:-

- 3.1 Agensi hendaklah memasukkan **Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam Agensi** sebagai salah satu **aktiviti utama** di dalam **Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Agensi**
- 3.2 Agensi hendaklah memastikan **Minit Mesyuarat** bagi Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam Agensi **dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri Kelantan** (Ketua Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan) ataupun menerusi emel **uad@kelantan.gov.my**
- 3.3 Masalah yang berbangkit serta tindakan pembetulan dan pencegahan Agensi akan dipantau oleh Unit Audit Dalam dari masa ke semasa
- 3.4 Agensi perlu mengambil tindakan yang sewajarnya sepertimana yang dinyatakan dalam **Lampiran B (Ke Arah Memperkasakan Jawatankuasa Audit Dalam Agensi)**


4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YABhg. Dato'/Tuan bagi memastikan perkara tersebut dapat dilaksanakan dengan baik berdasarkan keperluan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2012 dan Surat Pelaksanaan Kepada 'Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2012' yang telah diedarkan.

5. Di atas perhatian YABhg Dato'/Tuan adalah diucapkan terima kasih.

Sekian.

~ ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI~

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ISMAIL BIN SAMAH, D.P.S.K)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN

s.k.: - YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Korporat)

1. Pengurusan dan tindakan seliaan oleh agensi ke atas laporan yang dibekalkan dalam masa yang diperuntukkan.
2. Penyediaan maklumat oleh agensi akan dipaparkan oleh Unit Audit Dalam dan Unit Audit Luar.
3. Ditandatangani dalam indrapurata Sabaran Kerja Tahunan (SKT) sebelum akhir setiap 2 bulan sekali.
4. Ditandatangani dalam indrapurata SKT Negeri 2 bulan sekali (Masyarakat Masyarakat Sabaran Kerja Tahunan (SKT) Agensi).
5. Lain-lain.

KE ARAH MEMPERKASAKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM AGENSI

1. Penubuhan /Perlantikan Jawatankuasa Audit Dalam Agensi
2. **Mengadakan Mesyuarat J/K Audit Dalam Agensi** bagi membincangkan hal ehwal audit seperti isu-isu berbangkit daripada Laporan Pengurusan Kewangan/Penyata Kewangan/Self Auditing(e-SPIA) dan lain-lain
3. Menjalankan pemantauan /pemeriksaan/adhoc ke atas Pengurusan Kewangan Agensi
 - 3.1 Memastikan Penyata Kewangan dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan
 - 3.2 Membuat pemantauan ke atas laporan prestasi pendapatan dan perbelanjaan tahunan agensi
 - 3.3 Membuat pengecaman masalah ke atas Laporan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara
 - 3.4 Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan agensi
 - 3.5 Mengambil tindakan susulan ke atas Laporan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara
 - 3.6 Memastikan teguran audit dijawab mengikut tempoh masa yang ditetapkan
 - 3.7 Memastikan supaya semua laporan/teguran serta jawapan dan maklumbalas auditi disimpan dengan baik dan selamat
 - 3.8 Lawatan pemeriksaan mengejut/ad-hoc ke Unit/Bahagian dalam kawalan agensi berkaitan kewangan
4. **Pembentangan Laporan** di dalam Mesyuarat J/K Audit Dalam Agensi setiap 2 bulan sekali dan sesalinan minit mesyuarat dihantar kepada Unit Audit Dalam
5. **Pengecaman dan tindakan susulan** oleh agensi ke atas isu-isu yang berbangkit dalam mesyuarat yang perlu diselesaikan segera
6. **Penyelesaian masalah** oleh agensi akan dipantau oleh Unit Audit Dalam dari masa ke semasa
7. Dimasukkan dalam mesyuarat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bulanan agensi setiap 2 bulan sekali
8. Dibentangkan dalam mesyuarat SKT Negeri 3 bulan sekali (Mesyuarat Mengenai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Agensi
9. Selesai

